

Konvensyen UMNO jayakan Melayu bandar

KUALA LUMPUR 3 Nov. - Konvensyen Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan Ahad ini akan memberi lebih tumpuan kepada perjuangan memartabatkan Melayu bandar.

Konvensyen bertemakan "UMNO Wadah Perjuangan Memartabatkan Melayu Bandar" itu dijangka dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan akan dihadiri semua ahli jawatankuasa UMNO Bahagian seluruh Wilayah Persekutuan termasuk daripada pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri.

Pengerusi Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Zul-

Melalui program *retreat* seperti ini kita dapat mencari satu pendekatan dan formula yang lebih efektif serta dapat menghasilkan satu *blueprint* untuk BN Wilayah Persekutuan

hasnan Rafique berkata, UMNO Wilayah Persekutuan akan meneruskan wadah perjuangannya menerusi konsep 3B iaitu: Bersama - Bersatu - Berjaya.

Ia turut menjadikan perjuangan pemimpin sebelum ini sebagai panduan dan pengalaman untuk mene-

ruskan khidmat serta perjuangannya kepada parti dan bangsa Melayu, katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Zulhasnan berkata, beliau telah mencorakkan satu strategi awal bagi memperkukuhkan lagi kedudukan Barisan Nasional (BN) di Wilayah Persekutuan

**ZULHASNAN
RAFIQUE**
Pengerusi
Perhubungan
UMNO Wilayah
Persekutuan

selain mencari formula baru untuk menawan semula empat kawasan Parlimen yang menjadi kubu kuat DAP di Wilayah Persekutuan.

Katanya, satu *retreat* telah dirancang bersama parti-parti komponen BN di Wilayah Persekutuan bagi membincangkan kenapa BN tidak boleh merampas semula kawasan pembangkang selain membincangkan segala permasalahan semasa di ibu kota.

"Melalui program *retreat* seperti ini kita dapat mencari satu pendekatan dan formula yang lebih efektif serta dapat menghasilkan satu *blueprint* untuk BN Wilayah Persekutuan," katanya.

Usaha ini penting sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

BN menguasai kerusi Parlimen Setiawangsa, Wangsa Maju, Batu, Lembah Pantai, Segambut, Bandar Tun Razak, Titiwangsa, Labuan dan Putrajaya manakala DAP menguasai kerusi Parlimen Bukit Bintang, Cheras dan Kepong.

UMNO Wilayah Persekutuan kini mempunyai tiga pemimpin yang menyandang jawatan menteri kabinet iaitu Zulhasnan sendiri selaku Menteri Wilayah Persekutuan; Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor selaku Menteri Pelaneongan; dan Dato Seri Shahrizat Abdul Jalil selaku Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- Bernama